

Tun M pengerusikan mesyuarat pertama MPN

BH - 22/1/2020 m/s: 2

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Produktiviti Negara (MPN) bagi 2020.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Mohd Zuki Ali melalui laman Instagramnya berkata, MPN satu platform membincangkan hala tuju strategik memperkasa agenda produktiviti negara memacu pertumbuhan ekonomi dan inklusif bagi mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Mohd Zuki turut memuat naik dua keping gambar me-

syuarat berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata MPN dihidupkan semula pada Februari 2019 bagi menetapkan panduan dan hala tuju strategik untuk memacu produktiviti negara secara menyeluruh.

“Keanggotaan MPN telah disusun semula supaya keahliannya terdiri daripada golongan berpengalaman dan berkepakaran untuk mengenal pasti isu dan masalah produktiviti di semua peringkat,” katanya di laman Twitter beliau. BERNAMA



Dr Mahathir pada mesyuarat pertama Majlis Produktiviti Negara di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto ihsan Instagram Mohd Zuki Ali)